



e-Buletin

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



KAMI SEDIA MEMBANTU

EDISI NOVEMBER 2015



Majlis Ramah Mesra YBMK Bersama Warga Kementerian Kesihatan Malaysia



**MINGGU KESEDARAN
ANTIBIOTIK 2015**



**WALKABOUT YAB PM
KE SHAH ALAM**



**OPERASI KEPIALU
KL 2015**



<http://www.moh.gov.my>



[www.facebook.com/pages/
kementerian-kesihatan-malaysia](http://www.facebook.com/pages/kementerian-kesihatan-malaysia)



<http://twitter.com/kkmputrajaya>



[http://www.youtube.com/
kementeriankesihatan](http://www.youtube.com/kementeriankesihatan)



[http://instagram.com/
kementeriankesihatanmalaysia](http://instagram.com/kementeriankesihatanmalaysia)



Majlis

Ramah Mesra YBMK bersama Warga KKM

Tarikh: 24 November 2015

Tempat: Lobi 3, Aras 2, IPKKM

YB Dato' Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah menghadiri Majlis Ramah Mesra bersama Warga Kementerian Kesihatan. Turut hadir ialah YB Dato' Seri Dr. Hilmi Haji Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan, YBhg. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU dan YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK. Seramai 1,000 lebih warga kerja KKM meraikan majlis tersebut.



MINGGU

KESEDARAN ANTIBIOTIK

Tarikh: 16 November 2015

Tempat: Hospital Kuala Lumpur

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah melancarkan Minggu Kesedaran Antibiotik 2015. Turut hadir ialah Dato' Dr. Zaininah binti Mohd Zain, Pengarah HKL. Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai kepentingan penggunaan antibiotik dengan betul. Antibiotik merupakan ubat yang banyak menyelamatkan nyawa pesakit daripada jangkitan bakteria serius. Namun sering disalahgunakan untuk mengubati penyakit yang tidak memerlukannya.





Walkabout YAB PM ke Shah Alam

Tarikh: 4 November 2015

Tempat: Hospital Shah Alam, Selangor

YAB Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia telah mengadakan sesi walkabout ke Hospital Shah Alam yang diiringi oleh YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU. Turut hadir ialah Dr. Balachandran a/l Satiamurti, Pengarah Kesihatan Negeri Selangor dan Dr. Hasni Hanapi, Pengarah Hospital Shah Alam (HSA). HSA beroperasi pada awal Oktober 2015 dan mempunyai 13 perkhidmatan kepakaran yang akan memberikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk di sekitar Shah Alam. HSA mampu mengurangkan kesesakan di Hospital Tuanku Ampuan Rahimah, Klang.

Operasi Kepialu KL 2015

Tarikh: 5 November 2015

Tempat: Kuala Lumpur

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK telah menjalankan operasi pemeriksaan premis makanan 'Operasi Kepialu KL 2015'. Operasi secara mengejut tersebut merupakan hasil kerjasama dari Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya (JKWPKL & Putrajaya) dan DBKL bagi mengukuhkan lagi kawalan penyakit tifoid & memecahkan rantaian jangkitan. Bermula awal Ogos 2015 sehingga 4 November 2015 terdapat 60 kes demam kepialu di WPKL dan 18 kes di Selangor.



Majlis

ANUGERAH MEDAN SELERA BERSIH, SELAMAT & SIHAT*Peringkat Kebangsaan 2015***Tarikh: 25 November 2015****Tempat: Kawasan R&R Dengkil (Arah Selatan)**

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan Majlis Anugerah Pertandingan Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat Peringkat Kebangsaan 2015. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK dan YBhg. Datuk Dr. Lokman Hakim bin Sulaiman, TKPK (KA). Pertandingan ini dianjurkan oleh KKM dengan kerjasama Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan & Kerajaan Tempatan. Sebanyak 41 penyertaan diterima menerusi 5 kategori yang dipertandingkan.

*Perasmian***PENUTUPAN SUMMER HEALTH CAMP & SAMBUTAN MINGGU SIHAT KELAB DOKTOR MUDA***Peringkat Kebangsaan 2015***Tarikh: 9 November 2015****Tempat: UiTM, Perlis****KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah merasmikan Majlis Perasmian Penutupan *Summer Health Camp* Kelab Doktor Muda Dan Sambutan Minggu Sihat Doktor Muda Peringkat Kebangsaan 2015. Turut hadir ialah YAB Dato' Seri Azlan Bin Man, Menteri Besar Perlis dan Dr. Zaini Bin Hussin, Pengarah JKN Perlis. Program tersebut bertujuan untuk mempromosikan Program Doktor Muda kepada komuniti sekolah dan masyarakat serta menjadi platform kepada semua program kesihatan di sekolah.





MoU Perkhidmatan Rawatan Berhenti Merokok mQuit Services

Tarikh: 27 November 2015
Tempat: IPKKM, Putrajaya



YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU telah menyaksikan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara KKM bersama Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Akademi Farmasi Malaysia dan Syarikat Johnson & Johnson Sdn. Bhd. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK dan YBhg. Datuk Dr. Lokman Hakim bin Sulaiman, TKPK (KA). MoU tersebut merupakan memorandum Perkhidmatan Rawatan Berhenti Merokok mQuit Services dengan kerjasama sektor awam dan swasta. KKM berharap kerjasama antara sektor awam dan swasta dapat meningkatkan kadar peratusan golongan yang berhenti merokok.



Sambutan Ulang Tahun ke-100 Hospital Langkawi

Tarikh: 15 November 2015
Tempat: Hospital Langkawi, Langkawi

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK telah mengadakan lawatan kerja sempena ulang tahun ke-100 Hospital Langkawi. Turut hadir ialah Dato' Dr. Norhizan bin Ismail, Pengarah Kesihatan Negeri Kedah. Hospital Langkawi adalah hospital pertama memulakan operasinya pada tahun 1915 di bandar Kuah.

Hospital tersebut dilengkapi sebanyak 110 katil yang disediakan untuk memberi perkhidmatan kesihatan kepada 110,000 penduduk. KPK mengambil peluang untuk melawat semua wad dan juga mengadakan sesi dialog dengan pakar-pakar.



PROGRAM GOTONG-ROYONG MEGA

Peringkat Kebangsaan

Tarikh: 8 November 2015

Tempat: Kampung Sungai Kayu Ara, Damansara Utama



YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah menyertai Program Gotong-Royong Mega Peringkat Kebangsaan. Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU, YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK, Dato' Mohd Shafiq Bin Abdullah TKSU (Kewangan) dan Encik Saiful Anuar Lebai Hussien, TKSU (P). Program bertujuan mempertingkatkan usaha pencegahan denggi yang melibatkan pemeriksaan tapak pembinaan, pengalihan kereta terbiar, aktiviti *larviciding*, semburan dan penyelidikan kesihatan.



Majlis Anugerah Kehidupan 2015

Tarikh: 21 November 2015

Tempat: Institut Kanser Negara, Putrajaya

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah merasmikan Majlis Anugerah Kehidupan 2015 di IKN. Program tersebut bertujuan bagi meraikan bekas pesakit kanser yang kini telah menjalani kehidupan normal. Usaha ini bagi menghargai warga kerja KKM, pesakit-pesakit dan ahli keluarga pesakit kerana cecal mengharungi kesakitan dan kepedihan bersama-sama.



Perasmian Kempen Derma Darah



Tarikh: 28 November 2015

Tempat: eCurve, Mutiara Damansara

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU telah merasmikan Kempen Derma Darah. Turut hadir ialah YBhg. Tan Sri Dato' Seri Lodin Wok Kamaruddin, Pengerusi Pharmaniaga dan YBhg. Dato' Farshila Emran, Pengarah Urusan. Kempen tersebut bertemakan "You're Somebody's Type Because People Live When You Give". Pendermaan darah secara sukarela adalah amalan yang mulia kerana membantu insan lain memerlukannya. Kempen derma darah tersebut telah dijalankan dari 28 sehingga 29 November 2015.



LAWATAN KERJA JAK KE WABA

Tarikh: 4 November 2015

Tempat: Pulau Pinang



YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK telah membuat lawatan kerja ke ibu pejabat World Alliance for Breastfeeding Action (WABA) di Pulau Pinang. Lawatan tersebut turut disertai oleh Dr. Shin Young Soo, Pengarah Serantau WHO Rantau Pasifik Barat. WABA berfungsi menyelaraskan satu rangkaian global organisasi

dan individu yang percaya susu ibu adalah hak semua kanak-kanak. KPK turut melawat Klinik Kesihatan Bandar Baru Air Itam. Klinik ini menawarkan kemudahan perkhidmatan kesihatan kepada kira-kira 60,000 penduduk di kawasan tersebut.



Majlis Perasmian Mentari Selayang



Tarikh: 17 November 2015

Tempat: Dewan Banquet, Kompleks Selayang Capitol

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan Mentari Selayang di Dewan Banquet, Kompleks Selayang. Turut hadir ialah Dr. Hjh Siti Zaleha Bt Mohd Salleh, Pengarah Hospital Selayang. KKM telah melancarkan program MENTARI sejak 2011 dan sehingga kini mempunyai 20 pusat di seluruh Malaysia. Penubuhan Mentari menandakan pakar psikiatri telah mengalihkan tumpuan daripada perkhidmatan rawatan kepada usaha pencegahan. Selain itu, Mentari adalah integrasi semula pesakit dengan penyakit mental yang serius di dalam masyarakat.



Lawatan Kerja ke Bangunan Baru Hospital Selayang

Tarikh: 29 November 2015

Tempat: Mersing, Johor

YB Dato' Seri Dr. Hilmi Yahaya, Timbalan Menteri Kesihatan telah mengadakan lawatan kerja ke bangunan baru Hospital Mersing. Turut hadir ialah YB Datuk Dr. Abdul Latiff, Ahli Parlimen Mersing yang juga merupakan mantan Timbalan Menteri Kesihatan. Lawatan tersebut bertujuan untuk meninjau perkembangan projek dan isu berbangkit. YBTMK turut mengambil kesempatan melawat dan beramah mesra bersama kakitangan di Klinik 1Malaysia Taman Tun Dr Ismail.






Pelaksanaan Projek-Projek Pembinaan Hospital (RMKe-11)

Tarikh: 26 November 2015

Tempat: Bilik Tanjung, Aras 6, Blok A, Kementerian Kerja Raya

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU KKM, YBhg. Dato' Sri Zohari bin Haji Akob, KSU Kementerian Kerja Raya telah membincangkan Pelaksanaan Projek-Projek Pembinaan Hospital Di Bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Turut hadir ialah Dato' Dr. Haji Azman bin Abu Bakar, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan dan Puan Rahmah binti Ramli, Setiausaha Bahagian Pembangunan. Dengan pelaksanaan hospital baharu mampu meningkatkan tahap kesihatan rakyat dan kualiti penjagaan kesihatan.



Lawatan Kerja ke Pusat Komuniti KOSPEN

Tarikh: 14 November 2015

Tempat: Kampung Sungai Itau, Pulau Langkawi

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK membuat lawatan kerja selama 2 hari di Pusat Komuniti KOSPEN di Kampung Sungai Itau. Turut hadir ialah Dato' Dr. Norhizan Bin Ismail, Pengarah Kesihatan Negeri Kedah. Komuniti Sihat Perkasa Negara (KOSPEN) adalah satu inisiatif

oleh Kementerian Kesihatan dalam memerangi penyakit tidak berjangkit (NCD) yang melibatkan sukarelawan terlatih sebagai ejen kesihatan perubahan. KPK juga berkesempatan melawat dua klinik komuniti iaitu Klinik Desa Tuba dan Klinik Desa Selat.



Pelancaran

The 2nd Malaysia Healthcare International Conference & Exhibition (MIHICE)

Tarikh: 30 November 2015

Tempat: Limkokwing University, Cyberjaya



YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan Pelancaran *The 2nd Malaysia International Healthcare Innovation Conference and Exhibition (MIHICE)*. Turut hadir ialah YBhg. Tan Sri Dr. Lim Kok Wing. Persidangan dan Pameran yang berlangsung selama 2 hari membolehkan profesional kesihatan berkongsi idea-idea dan teknik baharu untuk membuat inovasi dalam kesihatan. Kreativiti dan inovasi amat diperlukan dalam industri penjagaan kesihatan kerana hal ini boleh membawa kepada pencarian penyelesaian alternatif dan pendekatan yang murah untuk menangani isu-isu kesihatan.



Perasmian Anugerah PhAMA

Tarikh: 27 November 2015

Tempat: Hotel Dorsett, Subang

YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan telah merasmikan Anugerah PhAMA 2015 yang bertemakan "*Managing Infectious Disease*". Turut hadir ialah YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah, KPK. Tema pada tahun 2015 bersesuaian dengan peningkatan kebimbangan yang timbul terhadap kesihatan daripada penyakit berjangkit dan penyakit dari pengambilan ubat tidak terkawal. YBMK telah menyampaikan 2 kategori anugerah iaitu *Minister of Health's Award for Innovation & Research* dan *PhAMA President's Community Impact & Awareness Award* kepada para pemenang.





Kunjungan CUEPACS ke IPKKM

Tarikh: 25 November 2015

Tempat: IPKKM

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU telah menerima kunjungan daripada Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS). Turut hadir ialah Encik Saiful Anuar bin Lebai Hussien, TKSU (P), Dato' Dr. Haji Azman bin Abu Bakar, Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan, dan Tuan Haji Jalal Bongkik, Pengarah Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan.

Pihak CUEPACS telah membentangkan beberapa pandangan dan cadangan mengenai penambahbaikan skim, laluan kerjaya, kemudahan serta faedah yang melibatkan pelbagai skim di KKM.



Lawatan Kerja ke Pejabat Perwakilan WHO

Tarikh: 24 November 2015

Tempat: Kuala Lumpur

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min, KSU telah mengadakan lawatan kerja ke Pejabat Perwakilan WHO di Kuala Lumpur. Dr. Graham Harrison telah memberikan taklimat berkenaan latar belakang dan agenda strategik WHO di Malaysia. Kerjasama di antara KKM dan WHO sangat penting menyokong misi KKM dalam pengurusan, mempromosikan dan menangani isu kesihatan awam.

PEGAWAI YANG DINAIKKAN PANGKAT (GRED 54 KE ATAS)



ELLAM A/L ENDIN NOM

Jawatan / Tempat : PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK
UTAMA C
BAHAGIAN PENGURUSAN LATIHAN
SETIAUSAHA BAHAGIAN
Tarikh : 2 NOVEMBER 2015

PEGAWAI YANG BERTUKAR KELUAR (GRED 54 KE ATAS)



DR. TAN EE HONG

Jawatan / Tempat : PEGAWAI PERGIGIAN
U54
INSTITUT PENYELIDIKAN SISTEM KESIHATAN
Tarikh : 1 NOVEMBER 2015

PEGAWAI YANG BERSARA (GRED 54 KE ATAS)



CHEOH SIEW TIN

Jawatan / Tempat : JURURAWAT
U42
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KESIHATAN KELUARGA
30 NOVEMBER 2015 (WAJIB)
Tarikh bersara :
Anugerah / pingat : PINGAT P.P.N 2009, PINGAT A.M.N 2014,
A.P.C 1991, 1993, 2005, 2010
Tempoh Perkhidmatan : 16 JANUARI 1981 hingga 30 NOVEMBER 2015
(34 tahun 10 bulan)



SELBIAH BINTI ALI

Jawatan / Tempat : PEMBANTU TADBIR(P/O)
N17
CAWANGAN AUDIT DALAM
Tarikh bersara : 24 NOVEMBER 2015 (WAJIB)
Anugerah / pingat : A.P.C 1996, 2012
Tempoh Perkhidmatan : 02 MEI 1978 hingga 24 NOVEMBER 2015
(37 tahun 6 bulan)

PENASIHAT

KETUA SETIAUSAHA

YBhg. Datuk Dr. Chen Chaw Min

KETUA PENGARAH KESIHATAN

YBhg. Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah

TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA (P)

Encik Saiful Anuar Bin Lebai Hussen

KETUA PENGARANG

Hapsah Binti Mohd Dusa

PENGARANG

Baharudin Bin Mohamad

Mona Ang

Mohd Iswandy Bin Wally

PENYUMBANG ARTIKEL

Pejabat Ketua Setiausaha
Pejabat Ketua Pengarah Kesihatan
Bahagian Khidmat Pengurusan
Unit Komunikasi Korporat